KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA) KESEMBILAN

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) hari ini melakar satu lagi sejarah apabila 179 orang graduan diraikan dan ditauliahi dalam Majlis Konvokesyen INFRA Kesembilan yang telah berlangsung di Dewan Tun Abdul Razak, INFRA Bangi, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KKDW.

Sebanyak 179 sijil kemahiran telah dianugerahkan merangkumi program TVET INFRA iaitu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Pengajaran TVET Tahap 4, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Pengurusan Desa Tahap 3, SKM Penyeliaan dan Koordinasi Homestay Tahap 3, SKM Operasi Homestay Tahap 2, serta Sijil Pemandu Pelancong Berkemahiran Alam Semula Jadi Setempat Tahap 2.

Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood menegaskan bahawa ilmu dan kemahiran merupakan kunci masa depan negara, khususnya untuk memacu pembangunan luar bandar. Beliau turut menekankan kepentingan *upskilling* dan *reskilling* bagi melahirkan komuniti yang berdaya saing, fleksibel dan bersedia bagi menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah.

Majlis konvokesyen ini turut mencerminkan komitmen INFRA yang kini memasuki usianya yang ke-30 tahun sebagai institusi latihan bawah KKDW yang mencorakkan modal insan desa yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta moto INFRA "Membitara INFRA, Memaju Desa".

Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran lebih 600 orang tetamu termasuk pengurusan tertinggi KKDW, rakan strategik, agensi awam, pihak industri, media serta keluarga para graduan. Penganugerahan ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian akademik dan kemahiran, malah membuka peluang lebih luas kepada graduan untuk menyumbang kembali kepada komuniti sebagai pemimpin, penggerak dan pencetus perubahan daripada peringkat akar umbi.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
27 JANUARI 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel.: 03-88915945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my